Akhbar Rasmi Kerajaan Brunei

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 29 — RABU 18 JULAI, 1984. رابو 19 شوال 1404 PERCUMA

### Penyertaan rakyat di Hari Kebangsaan:

# KEBAWAH DYMM LAHIRKAN SETINGGI PENGHARGAAN

Oleh: Muhaimin H.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan setinggi penghargaan kepada segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini dalam penyertaan mereka meraikan Hari Kebangsaan Pertama Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyatakan berbanyak terima kasih kepada mereka yang telah bertungkus-lumus menjayakan perayaan Hari Kebangsaan terutama kepada Jawatankuasa Kerja Kemerdekaan, para pegawai Urusetia, badan-badan belia, kebajikan dan swasta serta orang perseorangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan sempena Hari Puja Usia Baginda ke-38 tahun di Lapau, Ahad lepas.

Baginda bertitah kejayaan menyambut hari yang bersejarah itu tidak akan tercapai tanpa adanya sifat kerjasama, saling bantu-membantu dan muafakat di antara para pegawai Kerajaan Baginda dengan rakyat serta penduduk negara ini.

"Mudah-mudahan kejayaan yang cemerlang yang hanya dapat dicapai melalui usaha-usaha yang gigih lagi berkesan yang berlandaskan kepada dan melambangkan kemuncak hasil persefahaman, saling bertolak-ansur, bantu-membantu dan muafakat kerana Allah jua itu akan sentiasa menjadi ristaan dan petunjuk bagi kita semua khususnya dalam kita menempuh zaman kemerdekaan yang penuh cabaran di sebalik kegemilangan yang kita semua nikmati pada ketika ini," titah Baginda.

Sempena Hari Keputeraan Baginda pada tahun ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyeru kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan supaya terus berkhidmat dengan penuh azam dan tekad bagi mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap, jujur, amanah dan bebas dari tamak, rasuah dan penyelewengan kuasa dan tugas.

Ianya bertujuan agar semua rakyat dan penduduk negara ini, tambah Baginda akan menikmati bersama kemudahan dan hasil dari projek-projek kemajuan di dalam suasana sebuah masyarakat yang adil dan saksama semata-mata kerana Allah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menggesa kepada semua rakyat dan penduduk negara ini agar senantiasa berganding bahu dengan Kerajaan Baginda untuk terus memikul tanggungjawab masing-masing sebagai rakyat dan penduduk Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat, demokratik, cintakan ketenteraman, keamanan, keselamatan serta bersendikan ajaran ugama Islam dan senantiasa berusaha un-

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei ketika melafazkan titah dari Pataratna Lapau di Majlis Mengadap sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-38.

Berangkat ke Istiadat itu ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

# 129 orang dikurniakan Bintang dan Pingat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara kepada 129 orang bersempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-38 tahun.

Yang Amat Mulia Pengiran Bini Pengiran Hajjah Siti Shalhah binte Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah binte Ibrahim mendahului senarai pengurniaan dengan dikurniakan Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Di-Hormati (Dato Laila Utama) — D.K.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral John Peter William Friedberger telah dikurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama — D.P.K.T.

Empat orang telah dikurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama — S.P.M.B. Mereka ialah Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Laila Jasa Awang Mohd. Nawawi bin Allahyarham Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd. Taha, Y.B. Sir Denys Tudor Emil Roberts, Awang Peter Everett dan YDM Pehin Datu Bendahari China Bandar, Bandar Seri Begawan Dato Seri Laila Jasa Awang Khoo Ban Hock.

Sebelas orang menerima Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B. Penerima-penerima itu ialah Dr. A. Johan (Abdullah Johan), Profesor Chia Boon Lock, Profesor Bernard Ee, Dr. Wang Shoung How, Dr. Arthur Tan Teow Hin, Dr Maurice Choo

Lihat muka 2

### MANISNYA IMAN

"BAGI tiap-tiap berita itu ada waktu kejadiannya, dan kamu nanti akan tahu sendiri." — Makna ayat 66, Surah Al-An'am.

# Majlis Santapan di Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berangkat ke Majlis Persantapan Diraja sempena Hari Keputeraan Baginda di Balai Persantapan Istana Nurul Iman pada malam Isnin lepas.

Juga berangkat ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Him-

Lihat muka 16





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mengurniakan Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Di-Hormati (Dato Laila Utama) — D.K. kepada Y.A.M. Pengiran Bini Pengiran Hajjah Siti Shalhah (kiri) dan Y.A.M. Pengiran Bini Ruhaizah bte Ibrahim, di Istiadat Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan di Lapau pada hari Ahad lepas.

# Bekalan air dipotong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bekalan air akan dipotong selama 10 jam pada hari Selasa, 24 Julai.

Kawasan-kawasan yang terlibat dalam pemotongan itu ialah Daerah Tutong, Bandar Seri Begawan dan Daerah Brunei-Muara. Kawasan-kawasan tersebut tidak akan mempunyai bekalan dari jam 9.00 pagi hingga 7.00 malam.

Pemangku Jurutera Air Daerah, Awang Yong Poh Fui berkata pemotongan tersebut dibuat ialah bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan ke atas loji di Layong.

Pelita Brunei

18 JULAI, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## 'DIRGAHAYU KEBAWAH DULI TUAN PATIK'

NEGARA meraikan Ulangtahun Hari Keputeraan ke-38 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Dipandang dari segi aturcara yang diatur ternyata perayaan yang sudah menjadi sebahagian daripada tradisi kita itu terus memperlihatkan sebahagian cara pernyataan 'rasa hati' rakyat dan penduduk negara ini terhadap Raja yang memerintah dan yang melindungi mereka.

Perayaan keputeraan Baginda tahun ini disambut dalam kedudukan negara kita yang sudah merdeka. Baginda selaku Sultan dan Yang Dipertuan adalah pemerintah yang tinggi bagi negara kita secara berperlembagaan. Kuasa Baginda memerintah adalah tertakluk kepada Perlembagaan dan kepada lain Undang-undang Bertulis. Dan dalam susunan pentadbiran baharu yang Baginda isytiharkan sejurus selepas Pemasyhuran Kemerdekaan tempoh hari Baginda juga telah memegang portfolio Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Langkah Baginda itu tidaklah memeranjatkan, dan ia dilihat oleh pemerhati-pemerhati politik sebagai suatu keinginan yang sungguh-sungguh untuk Baginda memimpin negara dan rakyat menghadapi cabaran serta tanggungjawab yang berat berikutan pencapaian semula taraf kemerdekaan sepenuhnya.

Dari segi ini maka Sambutan Hari Ulangtahun Keputeraan Baginda kali ini tentu juga mengandungi pengertian di mana kemeriahan perayaan itu mengandungi rasa kasih rakyat yang setulus-tulusnya dan harapan mereka yang setinggi-tingginya kepada Baginda selaku Sultan dan Yang Dipertuan yang memimpin negara dan rakyat serta menerajukan Kerajaan.

Sesungguhnya rakyat mengetahui akan hasrat Baginda bagi kesejahteraan negara dan segenap isi di dalamnya. Langkah-langkah yang Baginda ambil terutama beberapa waktu sebelum dan selepas kemerdekaan dapat dilihat sebagai usaha Baginda untuk meningkatkan kemajuan negara, menambahkan kesejahteraan rakyat menerusi perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan dan menerusi rancangan-rancangan jangka panjang khususnya yang melibatkan ekonomi dan kewangan. Dalam hal ini kita menyedari betapa hasrat dan usaha Baginda itu berkehendakkan bukan sahaja sokongan serta penerimaan rakyat dengan cara yang sebaik-baiknya bahkan yang lebih penting ialah berkehendakkan suatu bentuk semangat dan corak kerajaan yang sungguh-sungguh di semua peringkat pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Sesungguhnya seluruh negara dapat mengesan akan hasrat murni Baginda. Dan dalam masa yang sama adalah disedari yang kejayaan hasrat dan cita-cita murni Baginda itu banyak bergantung kepada keikhlasan, kesetiaan serta penglibatan yang sepenuhnya di peringkat kepimpinan dalam perkhidmatan Kerajaan. Kerana itulah sebagaimana sudah diketahui sekian lama Baginda sering menekankan akan keperluan perkhidmatan Kerajaan yang jujur, cekap dan amanah.

Adalah dapat dijangkakan bahawa mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan Kerajaan yang jujur, cekap dan amanah itu akan menjadi keutamaan pada masa ini dan pada masa-masa yang akan datang. Rakyat mempunyai harapan yang tinggi bagi kesejahteraan dan peningkatan mutu kehidupan sehari-hari menerusi kejayaan perkhidmatan dan juga kepimpinan Kerajaan. Dan kerana perkhidmatan dan kepimpinan Kerajaan itu boleh dikatakan sepenuhnya diisi oleh rakyat maka harapan rakyat itu sebahagian besarnya mestilah juga diusahakan oleh rakyat. Adalah tidak menguntungkan negara dan keturunan kita di masa yang akan datang sekiranya kita selaku rakyat sekadar pandai dan berpada-pada dengan menuntut serta menaruh harapan itu tanpa menginsafi akan tanggungjawab dan kewajipan memenuhi harapan-harapan dan hasrat bersama.

Maka sempena menyambut Ulangtahun Keputeraan Raja kita, Sultan dan Yang Dipertuan tampuk Negara dan teraju Kerajaan sesuailah semua peringkat dalam pentadbiran serta perkhidmatan Kerajaan membaharui ikrar untuk mencapai segala niat suci dan hasrat murni Baginda bagi kesejahteraan negara dan rakyat. Dan dengan sempena yang sama juga seluruh lapisan rakyat dan penduduk sudah sewajarnya menyembahkan ucapan tahniah kepada Baginda disertai dengan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga Baginda dilanjutkan usia, adil berdaulat menaungi nusa, memimpin rakyat kekal bahagia.

# Pengurniaan Bintang dan Pingat

Dari muka 1

Hock Heng, Dr Leslie Lam Kwok Tai, Dr Wong Wui Min, Dr Koo Chee Choong, Awang Sidek bin Yahya dan Haji Awang Othman bin Haji Awang Damit.

Tiga orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dikurniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J. Mereka ialah Major A.P.G. Prince, Major T.P.G. Helps dan Major R.D. Patrick.

Seramai 28 orang telah menerima Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.M.B. Mereka ialah YDM Pehin Bendahari Awang Mat Serudin bin Pehin Tuan Imam Awang Abdul Rahman, Ustaz Awang Haji Long bin Ngah @ Mohd. Saman, Major Md. Jair bin Haji Abd Wahab, Major Isbah bin Dato Haji Hamidon, Kaptan Manaf bin Haji Kamis, WO I Yunus bin Haji Tudin, Awang Aziz bin Abdul Rahman, Awang Mohd. Yunus bin Haji Mahmud, Awang Yahya bin Md. Yusof, Awang Sumadi bin Sukaimi.

Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman, Dayang Hayati binte Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd. Salleh, Awang Rosli bin Omar, Awang Harun bin Haji Ismail, Pengiran Muhammad bin Pengiran Ludin, Pengiran Muhammad bin Pengiran Sarpuddin, Awang Zaini bin Haji Omar, Dayang Fatimah binte Haji Hassan, Dayang Ainon binte Haji Abdullah.

Wan Abdul Rahman bin Tuanku Ali, Dayang Siti Hindon binte Pehin Orang Kaya Seri Setia Haji Mohd. Yusof, Dayang Norzainah binte Haji Mohd. Salleh, Pengiran Mohd. Yusof bin Pengiran Anak Hashim, Awang Metussin bin Haji Ahmad, Awang Taib bin Haji Mohd. Said, Kpt. Zainal bin Haji Harun, Kpt. Nasir bin Haji Momin dan WO I Duraman bin Haji Samad.

S/Sgt. Matlimin bin Mumin dan WO II Howard Joseph France masing-masing dikurniakan Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Ke-empat — P.J.B.

Seramai 16 orang telah dikurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ke-empat — P.S.B. Mereka ialah Penglima Raja Awang Haji Mohidin bin Pengarah Perseh, Pengarah Digadong Awang Haji Abu Bakar bin Rendah, WO I Harun bin Abdul Ajis, WO II Merali bin Daud, WO II Kifraweh bin Haji Omarali, S/Sgt. Abdullah bin Rahim, WO I Andrew Thomas Tranter.

WO II Geoffery Albert Daulman, S/Sgt. Roberts Ivor Charles, Mr. Akhlaq Ahmad, Dayang Noraini binte Haji Ahmad Yunos, WO II Untong bin Isa, WO II Pengiran Yusof bin Pengiran Buntar, WO II Haji Ahmad bin Haji Rajab, WO II Hussin bin Mohammad dan S/Sgt. Awang Mohd. Kassim bin Mantil.

Seramai 31 orang dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K. Mereka ialah WO II Jaafar bin Mohammad, WO II Nordin bin Timbang, S/Sgt. Md. Tuah bin Awang Osman, S/Sgt. Jumat bin Salleh, S/Sgt. Abd. Ghani bin Arsat, S/Sgt. Marali bin Besar, Sgt. Pauzi bin Abang Haji Razali, Mr Francis Charles Medlicott, Kpt. William Simon Rooms, WO II Daniel Graham Ralph .

A/WO II Holmes Terence John RVM, Awang Low Joon Seng, Awang Masrah bin Haji Mansor, Dayang Hajjah Noriah binte Mohammad Abbas, Awang Mustapha bin Abu Bakar, Awang Wahid bin Haji Salleh, Awang Ali Hashim bin Haji Daud, Awang Mohd. Dennis bin Haji Rosli, Dayang Norsiah binte Haji Daud, Pengiran Md. Said bin Pengiran Haji Tengah.

Awang Haji Mohammad bin Jaafar, Kpl. Abdullah, bin Bakar, S/Sgt. Abdul Rahman bin Abdullah, S/Sgt. Pengiran Zainal Abidin bin Pengiran Hashim, S/Sgt. Abd. Hamid bin Haji Ahad, S/Sgt. Merali bin Besar, Kpl. Hamdani bin Othman, WO I Pengiran Petra bin Pengiran Anak Hashim, S/Sgt. Mohd. Yassin bin Leman dan WO I Sulaiman bin Suhaili.

Seramai 31 orang telah menerima Pingat Indah Kerja Baik — P.I.K.B. Mereka ialah Awang Haji Md. Yusof bin Haji Abdul Kadir, Awang Haji Mohamed Dirar, Awang D. Thyagarajan, WO II Sabtu bin Samat, WO II Awang Yusof bin Jumaat, S/Sgt. Matau bin Tamin, Kpl. Salleh bin Ghani, Haji Aliakhbar bin Awang Linggar, Mr. Donald Falagate, Pengiran Haji Othman bin Pengiran Haji Ismail, Awang Peter Shim Nyuk Fan.

Pengiran Md. Dani bin Pengiran Haji Idris, Dayang Siti Noraini bte Sh Haji Omar, Awang Ibrahim bin Haji Sabli, Haji Awang bin Haji Ajak, Sgt. Jaya bin Japar, L/Kpl. Yahya bin Ismail, Kpl. Bantah bin Sidek, Kpl. Mat Jahari bin Jalak, Sgt. Adil bin Mohd. Yusof, Kpl. Mintir bin Haji Duraman.

Sgt. Hanafiah bin Besar, Kpl. Othman bin Haji Burut, S/Sgt. Jamaluddin bin Abdullah, S/Sgt. Mastani bin Hamid, S/Sgt. Kamis bin Hussin, S/Sgt. Pengiran Yaakub bin Pengiran Bahar, Kpl. Kamis bin Haji Lamit, Kpl. Kadri bin Abd. Hamid, Haji Omar bin Bungsu dan Dayang Rita Mabel Keasberry.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama — D.P.K.T. kepada Brigedier Jeneral J.P.W. Friedberger.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mengurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama — S.P.M.B. kepada Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Laila Jasa Awang Mohd Nawawi (atas kiri); Y.B. Sir Denys Tudor Emil Roberts (atas kanan); Awang Peter Everett (bawah kiri) dan Y.D.M. Pehin Datu Bendahari China Bandar Bandar Seri Begawan Dato Seri Laila Jasa Awang Khoo Ban Hock.







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mengurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B. kepada Awang Sidek bin Yahya.



KIRA-kira 300 orang ahli Badan Kebajikan Isteri-isteri Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) pada minggu lalu telah mengadakan kunjungan ke Istana Darul Aman untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain.

Rombongan tersebut diketuai oleh Yang Dipertua BAKTI, Datin Hajjah Saidah bte Haji Said dan Penasihat BAKTI, Pg Datin Hajjah Zubaidah bte Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Haji Metussin.

Ahli-ahli rombongan tersebut juga telah mempersembahkan beberapa acara tradisional termasuk tarian dan nyanyian asli.

## Wader berkursus di M'sia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sembilan orang Wader dari Jabatan Penjara kini berada di Malaysia untuk mengikuti kursus di Pusat Latihan Pegawai Penjara Malaysia, Taiping.

Empat dari mereka ialah Wader Wanita iaitu Dayang Asmah bte Salleh, Dayang Jubaidah bte Junaidi, Dayang Norjanah bte Ahmad dan Dayang Hazizah bte Abidin. Mereka ini mengikuti Kursus Pegawai Penjara Tingkatan II (Wanita) selama tiga bulan.

Lima orang Wader lelaki juga mengikuti kursus yang sama. Mereka ialah Awang Safar bin Haji Jeruddin, Pengiran Jaluyi bin Pengiran Haji Ismail, Awang Mohammad Noh bin OKMD Haji Saman, Ak Aliumar bin Pengiran Manggong dan Awang Amin bin Radin.

Selepas mengikuti kursus tersebut, Wader lelaki itu juga akan menjalani penempatan praktikal di penjara-penjara Malaysia selama sebulan.

## Piala Aziz

BERAKAS. — Kejohanan Bola Sepak Piala Aziz antara Jabatan-jabatan Kerajaan bagi kali ke-IV akan dikelolakan oleh Pejabat Kerahantenaga Awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Borang-borang penyertaan serta keterangan lanjut boleh diperolehi dari Awang Embran bin Abdul Halim di Pejabat Kerahantenaga Awam Pasukan, Berakas Kem, Awang Dayem bin Haji Ali di Bahagian Squadron Semboyan, Berakas Kem dan Awang Ali Hassan bin Abas di bahagian Filem HQ, Berakas Kem.

Borang-borang penyertaan yang telah diisi hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 7 Ogos, 1984 jam 4.00 petang kepada Setiausaha, Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Bola Sepak Piala Aziz Awang Embran bin Abdul Halim di Berakas Kem.

Kejohanan kali ini tidak termasuk Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

## Hadiri Seminar di Manila

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang pegawai kanan dari Kementerian Pelajaran dan Kesihatan kini berada di Manila untuk menghadiri 'Second Innotech Biennial Seminar'.

Mereka ialah Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan; Awang Abdul Razak bin Haji Muhammad, Pengarah Pelajaran; Awang Damit bin Ibrahim, Pemangku Ketua Unit Kajian Penilaian dan Perangkaan dan Pengiran Haji Mohd. Zain bin Pengiran Haji Lampoh, Pegawai Pelajaran Kanan.

Seminar selama lima hari itu akan berakhir pada hari Jumaat, 20 Julai.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 18 Julai hingga 24 Julai 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 18.7.1984 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Pangkalan Batu | 18.7.1984 | Rabu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 18.7.1984 | Rabu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 21.7.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 21.7.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Jerudong | 21.7.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 21.7.1984 | Sabtu | 2.30– 3.00 | petang |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 21.7.1984 | Sabtu | 3.15– 4.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 21.7.1984 | Sabtu | 4.30– 5.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 22.7.1984 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 22.7.1984 | Ahad | 10.15–11.15 | ,, |
| Di kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 22.7.1984 | Ahad | 11.30–12.00 | t/hari |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara. | 23.7.1984 | Isnin | 2.30– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu Berakas (Bahagian Rendah) | 23.7.1984 | Isnin | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 24.7.1984 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa Lambak | 24.7.1984 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |

# PENDUDUK MUKIM LABI TINJAU PERKEMBANGAN KERAJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada hari Selasa lepas meneruskan lagi siri lawatan penerangan bagi penduduk Mukim Labi ke Jabatan tersebut dan ke beberapa jabatan lain di negara ini.

Lawatan yang dianjurkan sendiri oleh Jabatan Penerangan ini adalah dihasratkan bagi memberi peluang kepada penduduk-penduduk Mukim terutamanya yang tinggal di kawasan pedalaman mengikuti perkembangan dan projek-projek pembangunan Kerajaan dengan secara yang lebih dekat lagi.

Adalah amat merugikan jika rakyat Negara Brunei Darussalam ini sendiri tidak dapat mengikuti atau mengetahui akan perkembangan kemajuan dan pembangunan Kerajaan yang senantiasa berjalan di negara ini. Dan adalah mengecewakan jika orang asing menganggap rakyat Brunei sendiri sebagai 'Rusa masuk kampung'.

Aturcara lawatan pada hari tersebut telah dimulakan dengan majlis ramah mesra dan ucapan alu-aluan dari Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Di dalam ucapan ringkasnya, beliau menegaskan bahawa adalah amat merugikan sekiranya bangsa kita yang merdeka ini membiarkan perkara-perkara yang berlaku di negara kita ini tidak menerima perhatian.

Jelasnya, bangsa-bangsa yang merdeka di dunia pada masa ini, sangat-sangat menghendaki bangsa yang bersikap progresif, bersikap maju dan ingin memajukan diri. Dan kita amatlah bersyukur, tambahnya, bangsa kita di negara ini adalah masyarakat yang responsif kepada pembangunan dan tidak bangsa kita yang menolak atau enggan menyertai pembangunan. Malah tegas Pengarah Penerangan, kemajuan yang dicapai setakat ini telah sama dinikmati hampir sama rata kepada penduduk-penduduk pedalaman.

Ini dapat kita bandingkan, tambah beliau lagi, kemajuan yang dicapai oleh penduduk-penduduk pedalaman waktu dahulu dan sekarang adalah amat berbeza sama ada dari segi politik, sosial dan ekonominya.

Semuanya ini tegas beliau lagi, adalah berkat dari adanya pimpinan diplomasi yang tinggi dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, di samping pimpinan yang jujur dan amanah dari pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, serta penyertaan rakyat sehinggakan negara ini aman dan damai.

Dari sini kita nampak bahawa kemerdekaan yang kita capai ini membawa nikmat dan bukannya membawa kemudaratan kepada penduduk-penduduk dan negara ini, ujar Pengarah Penerangan.

Bagi meninjau lebih dekat lagi, lawatan penerangan dari kira-kira 30 orang penduduk Mukim Labi pada hari tersebut telah dibawa melawat ke Jabatan Radio Televisyen Brunei. Di sana mereka telah menerima penerangan ringkas berkenaan dengan jabatan tersebut dari Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pg. Asmalee bin Pengiran Ahmad dan dibawa melawat ke beberapa bahagian jabatan itu.

Seterusnya, pada sebelah petang pelawat-pelawat tersebut telah dibawa beredar ke Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara dan menerima penerangan berkenaan dengan sekolah itu dari Pengetuanya Cikgu Hasmadi bin Haji Ali Mustafa.

Di sana mereka dibawa ke beberapa bahagian seperti Bahagian Pertukangan Kayu, Bahagian Mencat dan Menghias, Bahagian Pemasangan Bata, Bahagian Pemasangan Paip dan Bahagian Pertukangan Perabot. — ZHS.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Badaruddin memberikan ucapan alu-aluan kepada penduduk-penduduk Mukim Labi di Bilik Taklimat Jabatan Penerangan (bawah) sementara gambar atas kelihatan sebahagian dari penduduk Mukim Labi itu ketika dibawa melawat ke Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara.



## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS ...... Siri ke-235



**Sambungan .........**

# ORANG ISLAM MEMPUNYAI DUA KEWAJIPAN:

### (1) Wajib Ain atau Fardu Ain
### (2) Wajib Kifayah atau Fardu Kifayah

WAJIB Ain itu terkena ke atas tengkuk tiap-tiap orang Islam menjalankannya seperti sembahyang, mengeluarkan zakat, berakhlak dengan akhlak yang iklas dan tulus kerana semata-mata kerana Allah Taala dan merendah diri tiada takbur, baik hati kepada orang tiada hasad-dengki dan sebagainya.

Wajib Kifayah terkena ke atas seluruh dan semua umat Islam :

(i ) Pada menegakkan Islam dengan menerangkan asas Islam saperti akidah, dan hukum-hukum sembahyang, hukum-hukum puasa dan sebagainya, dan berdakwah mengajak orang pada Islam dan menolak dan menangkis serangan-serangan dan kesamaran yang dilimparkan ke atas Islam.

(ii) Pada menegakkan perkara hidup dalam dunia dan menyempurnakan hajat-hajat hidup dalam dunia seperti menyembelih ayam, membekal ayam bagi makanan umat Islam, membuat roti, membuat warung-warung, kedai kopi, kedai makanan, warung kereta-kereta sewa, sampan-sampan sewa dan lain-lain perkara seperti yang tersebut, kerana umat Islam berhajat makan dan minum di-warung, dikedai kopi dan dikedai makan, dan berhajat makan ikan, ayam, lembu, kerbau dan lain-lain, dan berhajat naik kereta sewa, berhajat tidur di Hotel bila dalam pelayaran, berhajat makan nasi dan roti, berhajat mendirikan rumah, berhajat ubat ketika sakit, maka semuanya wajib di atas sebahagian daripada umat Islam membuat dan menjalankan dan membekalkan benda-benda dan perkara-perkara itu kepada umat Islam.

Kalau tiada membuat dan tiada menjalankan dan tiada membekalkan oleh sebahagian daripada umat Islam, maka semua umat Islam dalam sesuatu tempat dan negara ini berdosa, tiada menjalankan perintah Allah dan Rasul-Nya pada bangun bertukang, membuat perusahaan dan membekalkan dan ini disebutkan dalam Quran dan Hadis dan Kitab-Kitab Islam dan Kitab-Kitab hukum-hukum Islam.

Ringkasnya : Menurut keterangan-keterangan di atas bahawa ayam-ayam yang dibekalkan oleh kedai bukan Islam yang bertempat di Jalan Muara itu dan dikatakan bahawa kedai bukan Islam itu ada tukang sembelih ayam berbangsa Islam itu.

Bahawa ayam-ayam yang telah dibersihkan dan telah dipotong lehernya seperti sembelihan orang Islam, maka adalah haram dibeli oleh umat Islam dan ayam-ayam itu adalah bangkai, dan makan bangkai adalah dosa besar, bagaimana yang tersebut dalam Quran dan Hadis, dan Kitab-Kitab Ulama dan Kitab-Kitab Fiqh dan Kitab Zawajir an Iqtirafil Kabaer karangan Al-Imam Ibnu Hajar. Kerana tiap-tiap ayam itu diragukan pada sembelihannya Wallahuaklam.

Berkata: Syaikhul Islam Zakaria al ansari dalam Syarhur Raudh, pada meninggalkan Fardu Kifayah itu, berdosalah siapa yang ketahui bahawa perkara itu perkara Fardu Kifayah yang telah ditinggalkan dan diabaikan, padahal ia boleh buat dan jalankan Fardu Kifayah itu, sekalipun ia jauh dari tempat menjalankan Fardu Kifayah itu, begitu juga berdosa oleh orang yang dekat tempatnya dengan perkara Fardu Kifayah itu diabai-abaikan, dengan ia tiada ketahui bahawa Fardu Kifayah itu telah diabai-abaikan, kerana dia telah cuai pada mengintai dan mencari Fardu Kifayah itu, berkata Imam Al-Haramaian: Dosa cuai terkena di atas tiap-tiap orang Islam dalam perkara tiada menjalankan Fardu Kifayah itu, dilihat dari segi besar atau kecil tempat atau kampung atau kawasan atau negeri itu.

Sila lihat dan renungkan perkataan Syaikhul Islam Zakaria al ansari di atas ini, bahawa orang Islam dari segenap lapisan pemerintah dan rakyat apabila cuai pada menjalankan perkara Fardu Kifayah ini iaitu perkara hidup umat Islam yang dihajatkan oleh umat Islam dalam perkara saperti makan minum, kenderaan, penginapan, memilih halal dan haram dan lain-lain, maka orang Islam biarkan perkara Fardu Kifayah dibuat oleh umat lain, padahal Allah Taala suruh akan umat Islam buat Fardu Kifayah itu, bukan suruh umat lain buat, maka seluruh umat Islam telah cuai dan melanggar perintah Allah dan derhaka kepada Allah, Firman Allah Taala: yang tafsirannya: Bertolong-tolonglah kamu diatas mengerjakan apa yang diperintahkan kamu membuatnya dan bertolong-tolonglah kamu pada meninggalkan apa yang ditegah oleh Allah Taala, daripada Sahabat Huzaifah Radiallahu An daripada Nabi Sallalahu Alaihi Wassalam: Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Iman Termizi yang ertinya:

> Demi diri saya di bawah kuasa-Nya, demi kamu menyuruh orang berbuat baik, dan demi kamu tegah orang dari berbuat jahat, atau Allah akan hantarkan suatu azab di atas kamu, kemudian kamu berdoa, maka tiadalah diterima doa kamu itu. WALLAHUAKLAM.

# DBP anjur Peraduan Seni Khat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjurkan Peraduan Seni Khat yang mana penyertaannya telah dibuka sejak 10 Julai dan akan ditutup pada 31 Julai akan datang.

Peraduan tersebut terbuka kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Ayat-ayat yang akan ditulis/diukir oleh peserta-peserta peraduan adalah petikan daripada Quran atau Hadis yang telah di tetapkan. Dan ianya hendaklah berbentuk tulisan atau ukiran kreatif yang menggunakan bahan seperti kayu, tembaga dan kertas.

Peserta-peserta adalah bebas menggunakan apa saja bentuk tulisan dan setiap peserta hanya dibolehkan menghantar satu bahan peraduan sahaja.

Semua bahan peraduan akan dipamerkan selepas penghakiman selama satu minggu mulai 12 Ogos hingga 19 Ogos. Bahan pameran ini boleh dijual tetapi tidak boleh diserahkan kepada pembeli sehingga selesai pameran.

Bahan-bahan peraduan hendaklah diserahkan tidak lewat daripada 31 Julai kepada Setiausaha Peraduan Seni Khat, Cawangan Perkembangan Bahasa, Tingkat 4, Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Ikuti kursus komunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai kanan dari Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Awang Besar bin Haji Seruddin dan Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim telah bertolak ke Malaysia Barat pada hari Jumaat lepas bagi mengikuti Kursus Komunikasi Massa.

Mereka berdua akan mengikuti kursus tersebut bagi sidang akademik 1984/85 selama kira-kira sembilan bulan di Universiti Sains Malaysia.

Terdahulu daripada itu tiga orang pegawai yang dihantar berkursus di tempat yang sama telah pun lulus. Mereka ialah Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd. Safar, Awang Busu bin Ahmad dan Awang Jahri bin Haji Abd. Latif. — JAL.



## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18 Julai, 1984 hingga ke hari Selasa 24 Julai, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 18–20 | 12.31 | 3.50 | 3.51 | 6.41 | 6.42 | 7.52 | 7.53 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.13 | 6.14 |
| 21–24 | 12.32 | 3.49 | 3.50 | 6.41 | 6.42 | 7.52 | 7.53 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.14 | 6.15 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# Memeluk Ugama Islam

MAJLIS Pengislaman bagi Dato Setia Leonard James Brown telah diadakan pada 5 Julai bertempat di rumah Pengiran Abd. Rahman bin Pengiran Zainal, di Kampong Sungai Matan, Daerah Brunei-Muara.

Dato Setia Leonard James Brown, berusia 70 tahun telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Pengiran Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Damit, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama. Dato Setia Leonard James Brown kini dikenali sebagai Dato Setia Abdul Karim bin Abdullah.

Majlis pengislaman pada malam itu telah diserikan dengan zikir marhaban. Beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama termasuk Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabliq, Awang Haji Mahalee bin Haji Abdullah.

# HINDARI PENGARUH BURUK YANG MEROSAK KEPERIBADIAN KITA




MARILAH kita sekalian terus-menerus bertakwa dengan sebenar-benarnya kepada Allah Subhanahu Wataala dengan tulus, ikhlas dan bersungguh-sungguh pada menjunjung titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Untuk mencapai matlamat menjadi seorang Islam yang baik lagi sempurna, kita umat Islam hendaklah meninggalkan segala tingkah laku kebiasaan yang tidak baik, dan menggantikannya dengan tingkah laku kebiasaan yang baik lagi terpuji yang bersesuaian dengan hukum-hukum dan petunjuk-petunjuk ugama kita.

Kebiasaan-kebiasaan yang tidak baik yang melanggar batas-batas kesopanan dan petunjuk-petunjuk ugama seperti pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bebas dan menyalahi hukum-hukum ugama kita, berdusta, menipu, mengambil hak orang lain dan sebagainya semuanya itu hendaklah kita hindarkan dari diri kita.

Demikian juga pengaruh buruk dari luar, mengenai kebudayaan, kesenian mahupun soal kemasyarakatan yang tiada sesuai bahkan boleh merosakkan keperibadian kita hendaklah jangan kita biarkan meresap dan mempengaruhi diri dan peribadi kita.

Nyayian-nyayian gila yang berunsur pemujaan wanita dan berbau asmara, gambar-gambar yang tiada senonoh, tingkah laku meniru-niru lagak orang 'kedi' atau laki-laki menyerupai orang perempuan dan orang perempuan menyerupai laki-laki, cara berpakaian yang menjolok mata dan sebagainya sebenarnya tidak perlu kita teruskan kerana kebiasaan itu boleh merosakkan keperibadian kita sebagai seorang Islam yang baik lagi sempurna.

Jika kebiasaan-kebiasaan buruk itu terus-menerus kita lakukan nescaya akan menyebabkan nama baik kita kaum Muslimin menjadi merosot dalam pandangan Allah mahupun dalam pandangan masyarakat yang sihat lagi sempurna.

Bahkan jika ditinjau dari pandangan Islam, hal-hal semacam itu boleh menjatuhkan keperibadian kita dari seorang Islam yang bersifat 'adaalah' menjadi orang Islam yang fasik disebabkan suka melanggar larangan-larangan Allah Subhanahu Wataala. Sebagaimana firman Allah di dalam Quran, Surah Al-Baqarah ayat 26 hingga 27 yang tafsirnya kira-kira :

**"Dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik iaitu orang-orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya, dan memutuskan perkara yang disuruh Allah supaya diperhubungkan, dan mereka pula membuat kerosakan dan bencana di muka bumi. Mereka itu ialah orang-orang yang sungguh rugi."**

Lebih-lebih lagi kalau kebiasaan buruk itu dilakukan di waktu masih muda atau masih dalam alam remaja maka sudah barang tentu akan payah untuk menghilangkannya bila kita sudah dewasa atau menjadi tua, sebab kata peribahasa: 'Alah bisa kerana biasa'.

Kerana itu mustahak benarlah kita menukarkan stail atau cara dan tingkah laku kita sehari-hari yang tidak senonoh apalagi yang berlawanan dengan hukum-hukum ugama dan boleh menjatuhkan nama baik kita sebagai seorang Islam yang baik lagi sempurna kepada satu corak keperibadian dan tingkah laku yang bersesuaian dengan hukum-hukum Islam.

Di samping itu para ibu bapa mustahak benarlah mendidik anak-anak mereka dari kecil lagi dengan kebiasaan tertentu yang benar-benar secocok dengan kehendak-kehendak ugama misalnya ajarlah mereka membaca Bismillah bila memulakan sesuatu perbuatan yang baik seperti makan minum, membaca buku-buku pelajaran dan sebagainya. Begitu juga ajarlah mereka supaya memberi salam jika mereka berjumpa dengan kawan-kawannya dan biasakan mereka menjawab salam jika mereka diberi salam oleh orang lain.

Selain daripada itu biasakanlah bercakap benar dan jangan berbohong, kalau sudah berakal bawalah mereka bersembahyang jemaah di masjid, suruhlah mereka rajin-rajin membaca kitab suci Al-Quran, mendengar syarahan-syarahan dan nasihat-nasihat ugama dan lain-lain lagi supaya dengan demikian kanak-kanak itu terbiasa dan terdidik secara Islam dan apabila ia menjadi dewasa jadilah ia seorang Islam yang mempunyai keperibadian Islam yang baik dan sempurna.

## Sijil BJCE/SRPB bagi calon persendirian

DIMAKLUMKAN kepada calon-calon persendirian yang lulus peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education — BJCE atau Sijil Rendah Pelajaran Brunei — SRPB bagi tahun 1983, supaya dapat mengambil sijil-sijil mereka di Pejabat Lembaga Peperiksaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas bila-bila masa pejabat dibuka.

# Sikap pemurah yang perlu diambil contoh

## *Menuju keredaan Allah*

**Peristiwa hidup puteri Rasulullah s.a.w., Sayidatuna Fatimah yang menunjukkan kepada kita rasa peri kemanusiaan yang tidak ada taranya. Ia tidak mementingkan diri sendiri semata-mata malahan menaruh belas kasihan kepada orang-orang yang memerlukan bantuan.**

APAKAH kita pernah mengalami satu peristiwa di mana ketika kita ingin memiliki sesuatu, ada pula orang lain yang juga berhajat untuk memilikinya? Umpamanya; kita mempunyai sedikit wang yang hanya cukup untuk membeli keperluan harian. Dalam perjalanan untuk membeli barang-barang tersebut tiba-tiba kita terserempak dengan seorang peminta sedekah yang benar-benar memerlukan bantuan kita.

Kalau kita pernah mengalami peristiwa tersebut, tanya lagi pada diri kita; macam mana reaksi kita? Tentulah jawapannya sama ada kita bantu orang yang memerlukan bantuan itu tadi ataupun kita tidak memperdulikannya kerana kita pun memerlukan wang tersebut.

Bagi mereka yang mempunyai peri kemanusiaan yang mendalam dan ditambah lagi dengan didikan ugama yang kuat, maka sudah pasti ia akan mengutamakan orang yang benar-benar memerlukan bantuan itu tadi, apatah lagi ia masih boleh bertahan dengan apa yang ada.

Cuba kita perhatikan bagaimana sikap Sayidina Ali bin Abi Talib Karamallahu Wajhah dengan isterinya Sayidatuna Fatimah dalam menghadapi keadaan yang serba salah itu. Ceritanya begini: —

Pada suatu ketika Sayidina Hassan dan Hussin sakit kuat. Segala ubat telah dicubakan tetapi tidak juga dapat menyembuhkan penyakit itu. Akhirnya kedua ibu bapa mereka, Sayidina Ali Karamallahu Wajhah dan Sayidatuna Fatimah berjanji untuk berpuasa selama tiga hari berturut-turut, kalau Allah s.w.t. mengizinkan kedua anak mereka itu sembuh.

Permohonan mereka dikabulkan oleh Allah s.w.t. Maka sesuai dengan janji mereka, kedua mereka pun berpuasa.

Di hari pertama berpuasa, mereka masing-masing berbuka dengan segelas air, kemudian terus menunaikan sembahyang Maghrib. Setelah selesai sembahyang mereka pun duduk hendak makan. Hidangan hanya terdiri dari beberapa potong roti dari gandum sahaja. Barupun Sayidatuna Fatimah membuka tudung makanan, tiba-tiba terdengar suara orang meminta sedekah. Mendengar ini, Sayidatuna Fatimah memandang suaminya sambil berkata: "Dapatkah kita makan dengan sekenyang-kenyangnya sedang ada orang kelaparan di muka pintu kita?"

Pertanyaan itu tidak dijawab dengan kata-kata, cuma dengan pandangan yang penuh erti. Jadinya tanpa membuang masa Sayidatuna Fatimah pun mengumpulkan segala makanan yang terhidang lalu memberikannya kepada peminta sedekah tadi, dan tinggal mereka tanpa makanan pada malam itu.

Hari berikutnya mereka berpuasa lagi. Dan seperti kebiasaan setelah berbuka dengan segelas air, mereka pun menunaikan sembahyang fardu Magrib. Selepas sembahyang mereka pun menghadap hidangan yang ada. Tetapi barupun mereka hendak mulai makan, terdengar pula tangisan orang di luar meminta dibelas kasihani.

Mendengar suara itu, Sayidatuna Fatimah pun menjenguk keluar dan didapatinya dua orang kanak-kanak miskin menghulurkan tangan mereka untuk meminta makanan.

Melihat keadaan ini, Sayidatuna Fatimah rasa terharu lalu memberi tahu apa yang dilihatnya kepada suaminya. "Sudah kehendak Tuhan dan Rasul-Nya jua, bahawa kita harus menolong orang yang tidak berada. Biarlah roti ini kita berikan untuk anak-anak itu."

Sayidina Ali bersetuju, dengan pendapat isterinya itu. Lalu dikumpulkanlah makanan yang dihidangkan itu dan diserahkan kepada kanak-kanak tersebut.

Dengan peristiwa-peristiwa itu tadi, bererti sudah dua kali mereka berpuasa dengan tidak makan walaupun sepotong roti. Walaupun demikian, mereka tetap dnegan janji mereka iaitu untuk berpuasa lagi pada esok harinya dengan jiwa yang teguh tawakal.

Pada malam ketiga, seperti biasa setelah berbuka dan sembahyang mereka pun menghadapi makanan dan menikmatinya dengan bahagia, kerana telah dapat memenuhi perintah Allah s.w.t. dan janji mereka dengan sebaik-baiknya.

**Demikianlah sebuah peristiwa hidup puteri Rasulullah s.a.w. Sayidatuna Fatimah, yang menunjukkan kepada kita rasa peri kemanusiaan yang tidak ada taranya. Ia tidak mementingkan diri sendiri semata-mata, malahan menaruh belas kasihan kepada orang-orang yang memerlukan bantuan.**

Kalau diajukan sekali lagi pertanyaan; macam manakah perasaan kita andainya peminta sedekah itu adalah kita, dan dalam meminta-minta itu kalau tidak diberi layanan? Tentulah seribu satu perkataan akan keluar dari mulut kita. Jadinya perbuatlah terhadap orang lain, apa-apa yang engkau inginkan orang lain berbuat terhadap kita.

# 'KONSEP KENEGARAAN' MATA PELAJARAN BARU AKAN DIPERKENALKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, menyatakan satu matapelajaran baru 'Konsep Kenegaraan' akan diperkenalkan kepada semua guru-guru, belia dan penuntut di negara ini.

Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya berkata ianya bertujuan agar semangat bermasyarakat Melayu, keyakinan berugama Islam dan taat kepada Raja akan terus wujud sebagai unsur tunggal keBruneian turuntemurun.

Konsep Kenegaraan bukan hanya untuk masyarakat Melayu, ianya perlu difahami dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat yang berlindung di bawah panji-panji Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tegasnya semasa merasmikan Kursus Dalam Perkhidmatan Meninggikan Taraf bagi 75 Orang Guru-Guru Terlatih Rendah Melayu Untuk Pengajaran Sistem Dwibahasa, pengambilan pertama. Majlis tersebut diadakan di Dewan Jubli Perak Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong pada hari Khamis lepas.

Berhubung dengan penggunaan Bahasa Inggeris Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya menjelaskan bukanlah berniat untuk menandingi Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tetapi bertujuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kelulusan lebih tinggi yang bahasa penghantarnya banyak terdapat dalam Bahasa Inggeris.

Beliau berkata sebagai sebuah negara yang kecil dan mempunyai penduduk tidak ramai tentulah tidak berdaya mengadakan semua lapangan pelajaran tinggi di negara ini, maka dengan mempelajari dan menguasai Bahasa Inggeris dengan fasih akan membuka peluang anak-anak Brunei menimba ilmu di luar negara yang kebanyakkan pengantarannya Bahasa Inggeris.

Seterusnya Yang Berhormat menyatakan Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pelajaran dan Kesihatan akan terus jalankan usaha dan meluaskan peluang anak-anak Brunei mendapatkan ilmu pengetahuan di dalam dan di luar negera.

"Kita tidak minta lebih daripada apa yang difikirkan murid-murid dan guru-guru boleh menunaikannya, kita hanya meminta supaya satu perkara sahaja iaitu agar guru-guru dan murid-murid belajar dengan tekun dan rajin semata-mata untuk kejayaan tidak kurang dan tidak lebih dari itu," ujarnya.

Menurutnya, satu matapelajaran juga akan diperkenalkan 'Kegiatan-Kegiatan Luar 'bertujuan untuk menggukuhkan disiplin dan bagi mengseimbangkan pelajaran akademik dengan aspek-aspek kehidupan masyarakat setempat, begitu juga tambahnya, dengan peperiksaan utama dua kali setahun semata-mata untuk menjimatkan masa dan menyesuaikan dengan penggal pengajian di dalam dan di luar negera.

Majlis hari itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengetua MPSHB Gadong, Awang Haji Mohd Noor bin Chuchu. Diikuti oleh ucapan Pengarah Pelajaran Awang Abd Razak bin Haji Muhammad.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah Pelajaran Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad berkata kursus tersebut bertujuan untuk mendedahkan beberapa faktor, prinsip, masalah pelajaran dan pembelajaran secara terperinci dalam mengketengahkan kaedah-kaedah pelajaran dan pembelajaran yang berkesan supaya dasar-dasar dan matlamat pelajaran dapat difahami dan dikaji.

Kursus ini katanya dihasratkan untuk menambahkan motivasi pengajar kaum guru dan murid-murid dalam memberikan para guru supaya berkeyakinan ketika menghadapi murid dalam menggunakan teknik-teknik yang telah nampak kejayaannya.

Awang Abd. Razak berharap kursus ini akan menjadi satu foram diskusi yang berfaedah di mana kaum guru yang menjalani kursus akan dapat bertukar-tukar idea, pengalaman dan pengetahuan di antara satu dengan yang lain.

Kursus ini juga, tambahnya bertujuan sebagai batu loncatan bagi guru-guru yang berjaya untuk menambahkan pengetahuan mereka kerana kursus-kursus diploma dan sebagainya akan difikirkan diadakan di maktab ini.

Menurutnya, Kursus Meninggikan Taraf Guru-Guru Terlatih Rendah Melayu Untuk Pengajaran Sistem Dwibahasa akan diadakan genap setahun manakala pengambilan kedua dan ketiga akan diadakan pada bulan Januari dan April tahun depan. Pakar-pakar pendidikan luar negeri juga akan diundang bagi menyampaikan ceramah kepada peserta kursus.

Beberapa kursus singkat, bengkel dan seminar bagi guru-guru besar dan pengetua akan diadakan terutama dalam pengurusan sekolah manakala guru-guru biasa dalam bidang pengurusan darjah. Selain daripada itu kursus meninggikan taraf mengenai kaedah-kaedah dalam mata pelajaran Ilmu Hisab, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris selaras dengan sistem dwibahasa juga diadakan yang bermula awal tahun depan dan seterusnya awal tahun 1986.

Antara yang hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Timbalan Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pegawai-Pegawai Kanan Pelajaran di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan para pensyarah MPSHB di Gadong.

Majlis tersebut diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mudim Mustapha bin Haji Murad.



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz ketika berucap merasmikan kursus tersebut.



SEBAHAGIAN dari guru dan para hadirin yang hadir di majlis pembukaan kursus tersebut yang diadakan di Dewan Jubli Perak Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.

# Dua pegawai ABDB naik pangkat Brigedier

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat dua orang pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke pangkat Brigedier Jeneral.

Mereka ialah Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Kolonel Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Juruiring Peribadi Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, dari Markas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Kenaikan pangkat bagi kedua-dua orang pegawai itu bermula dari 1 Julai, 1984.

Mereka adalah pegawai tempatan yang dilantik ke pangkat yang paling tinggi dalam pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Brigedier Jeneral Pengiran Haji Ibnu, berumur 42 tahun dan dilahirkan di Kampong Sungai Kianggeh. Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, 41 tahun dan dilahirkan di Kampong Lorong Dalam, Kampong Ayer.

Kedua-dua Brigedier Jeneral itu mula memasuki perkhidmatan tentera pada 24 Disember 1960 dan ditauliahkan pada 9 Disember 1962 di Maktab Tentera Diraja, Sungai Besi, Malaya (Malaysia).

Sejak ditauliahkan, Yang Amat Mulia telah banyak menghadiri kursus di seberang laut termasuklah menghadiri kursus di Maktab Turus Tentera di Australia pada tahun 1971 dan penempatan di Light Infantry Depot di United Kingdom pada tahun 1973.

Sebelum memegang jawatan sekarang, Yang Amat Mulia pernah berkhidmat di berbagai Cawangan dan Unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Antara jawatan yang pernah beliau sandang ialah Pegawai Turus 2 Gerakan pada tahun 1974, sebagai Timbalan Pemerintah Batalion Kedua dari tahun 1975 hingga tahun 1977.

Yang Amat Mulia dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel pada tahun 1977 dan ditetapkan ke pangkat Kolonel penuh pada 1 Januari 1981.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad juga telah banyak menghadiri kursus di seberang laut termasuk mengikuti kursus di Maktab Turus Tentera di United Kingdom pada tahun 1971 dan penempatan di Light Infantry Depot di United Kingdom pada tahun 1973.

Yang Dimuliakan pernah berkhidmat di berbagai Cawangan dan Unit di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei antaranya menjadi Pegawai Turus 2 Gerakan pada tahun 1971 dan memegang jawatan Pemerintah Depot dan Cawangan (Pusat Latihan) pada tahun 1973.

Pada tahun 1975 hingga tahun 1980, Yang Dimuliakan ditukar ke Batalion Pertama dan telah memegang jawatan Penolong Pegawai Pemerintah dan seterusnya Pegawai Pemerintah Batalion Pertama.

Setelah beberapa tahun memerintah Batalion Pertama, beliau telah ditukar ke Markas Angkatan Bersenjata Diraja sebagai Timbalan Pemerintah dan dinaikkan ke pangkat Kolonel penuh pada 1 Januari 1981.



Y.A.M. Pengiran Sanggamara Diraja Brigedier Jeneral Pengiran Haji Ibnu.



Y.D.M. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad.



Y.D.M. Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman.



Y.D.M. Pehin Datu Pekerma Wijaya Dato Paduka Haji Hussin.

# Pertukaran jawatan

BERAKAS. — Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah membuat pertukaran jawatan pegawai-pegawainya bermula pada bulan ini.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman bin Haji Damit telah memegang jawatan Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bermula 15 Julai 1984 menggantikan Brigedier Jeneral Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud yang akan berkursus keluar negeri.

Yang Dimuliakan Leftenan Kolonel Pehin Datu Pekerma Bijaya Dato Paduka Haji Hussin bin Haji Sulaiman telah memegang Jawatan Pegawai Keanggotaan Pasukan (Force Personnel Officer) bermula 1 Julai 1984 menggantikan Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman bin Haji Damit yang telah memegang Jawatan Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.




# PELATIH WANITA TAMAT KURSUS JURUTEKNIK PERTANIAN

BUAT pertama kalinya seramai lapan orang penuntut perempuan di Pusat Latihan Pertanian Sinaut telah menamatkan latihan mereka selama dua tahun dalam Kursus Juruteknik Pertanian. Sementara itu seramai 11 orang penuntut lelaki dari pengambilan yang sama juga telah menamatkan kursus mereka.

Di akhir kursus, mereka telah menduduki dua peperiksaan iaitu peperiksaan luar yang dianjurkan oleh pemeriksa dari Institut Teknologi Mara Malaysia yang diadakan awal Jun lalu dan kemudiannya diikuti pula dengan peperiksaan dalam.

Setelah mereka keluar dari pusat tersebut, mereka dijangka akan bekerja dengan Jabatan Pertanian dan akan ditempatkan di beberapa bahagian dalam jabatan itu.

Penuntut-penuntut perempuan akan bekerja di bahagian penyelidikan dan urusan rumahtangga dan juga sebagai pegawai-pegawai pengluasan di beberapa daerah. Sementara penuntut lelaki pula akan bekerja di bahagian penerangan sebagai pegawai pengluasan, di projek kerbau di Sinaut dan seorang dilantik sebagai pengajar ladang di pusat latihan itu.

Manakala hari konvokesyen dijadualkan akan dilangsungkan dalam bulan September depan.

Semasa menjalani kursus, penuntut-penuntut perempuan telah menerima latihan yang serupa dengan penuntut-penuntut lelaki. Mereka mempelajari pelajaran asas yang mengandungi tiga mata pelajara utama iaitu pertanian tropika, tanaman dan binatang termasuk pelajaran pertanian yang lengkap yang mengandungi enam jenis tanaman dan binatang.

Selain dari itu, mereka juga mengikuti mata pelajaran lain seperti penghasilan pasaran kebun, buah-buahan, bunga-bungaan dan tanaman sayur-sayuran serta mesin perladangan.





## Tambah Kelayakan

AWANG Kamaluddin Bungsu adalah seorang anak Brunei yang paling berkelayakan sebagai juruteknik jaminan mutu.

Sebelum mendapatkan kelayakan itu, Kamaluddin 24 tahun tidak mempunyai seberang pekerjaan dan ini menjejaskan masa hadapannya. Beliau kemudiannya tertarik dengan industri minyak dan gas dan seterusnya memasuki Mapel-Yusof, sebuah pemborong jaminan mutu antarabangsa yang bekerja untuk Shell Brunei bagi pemasangan-pemasangan luar pantai. Di sana beliau bertugas sebagai penolong radiografer yang bekerja di tongkang-tongkang derik luar pantai Brunei.

Belaiu banyak memperolehi pengalaman praktikal yang tidak ternilai bersama-sama dengan anak-anak tempatan yang lain seperti mengikuti kursus teori dan peperiksaan pada bulan September yang dibawa dari Eropah oleh Mapel-Yusof. Pemeriksa-pemeriksa itu ialah dari America Society for Non-Destructive Testing (ASNT).

Selain dari itu Kamaluddin banyak lagi mengikuti peperiksaan-peperiksaan yang lain, dan baru-baru ini beliau telah mendapat tiga lagi kelayakan yang diterima oleh antarabangsa iaitu diterima dari Non-Destructive Testing (NDT).

Beliau sekarang mempunyai kelayakan dalam radiografi peringkat II ASNT, peringkat II 'dye penetrant' dan peringkat II butiran magnet ASNT.





## Bekalan air yang lebih bersih

PARA penghuni rumah syarikat akan menerima bekalan air yang lebih baik dalam masa beberapa minggu lagi. Bekalan air ini berkemungkinan akan dilakukan dengan cara komputer di loji penapisan air di sini.

Air dari loji ini datangnya dari Sungai Badas, lapan batu jauhnya, disalurkan dengan paip 20 inci atau 18 inci dengan bantuan lima buah pam bertenaga elektrik disalurkan sejumlah 25,000 meter padu sehari dihantar ke loji tadi.

Di loji tersebut air disimpan dan bahan-bahan istimewa dengan berkeadaan mendap, kemudian ditapis dan dibubuh klorin sebelum ianya disimpan untuk digunakan.

Untuk membubuh ubat ke dalam air mentah dengan kimia seperti kapur, natrium, kaustik soda dan polimer, operator-operator mengawal berbagai injap dengan menggunakan tenaga manusia. Operator-operator ini juga mengambil cacatan jumlah klorin dan jumlah peratus hidrogen yang tidak kurang dari tujuh bahagian dalam sejuta, dalam perlakuan peringkat akhir sebelum air itu dieksport.

Apabila sistem komputer ini dipergunakan, suntikan-suntikan kimia akan dikerjakan secara automatik. Satu injap kloromatik dipasangkan di loji untuk menyuntik klorin secara automatik.

Alat-alat penadian klorin serta pemancar bagi air mentah dan air yang telah dibubuh ubat mengeluarkan isyarat kepada pengawal yang menjalankan injap kloromatik. Pengawalan ini adalah dipusatkan melalui 'otak' yang terletak di Bilik Kawalan yang juga membolehkan catatan kandungan haidrogen diambil dengan mudah dan tepat.

Alat komputer yang dimasukkan ke loji bagi menyediakan air yang telah dibubuh ubat, dan ini menjadikan air itu bermutu tinggi dan cukup banyak bagi menampung keperluan masa hadapan.

## Sebuah lagi pesawat helikopter Brunei Shell



SERIA. — Sebuah helikopter yang baru, menambahkan lagi bilangan pesawat yang ada baru-baru ini. Pesawat tersebut ialah Aerospatiale 365 Dauphin yang didatangkan dari Singapura ke Anduki dan tiba pada sebelah tengah hari pada 23 Jun lepas.

Perjalanan dengan kapal dari Marseilles, Peranchis ke Singapura mengambil masa 28 hari dan dari Singapura ke Brunei melalui Kucing mengambil masa selama 5 jam.

Selepas beberapa waktu latihan penerbangan, pesawat itu akan menggantikan pesawat Bell 212 dalam aktiviti-aktiviti penerokaan dan pengeluaran.

Pesawat itu dibina dengan teknologi yang termoden memandangkan kepada bahan-bahan, bentuk dan alat-alat pesawat. Ia boleh membawa sebelas orang penumpang dan mempunyai had kelajuan 175 knots atau 202 batu sejam.

# SEKITAR ISTIADAT MENGADAP DAN MA

ISTIADAT Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun telah diadakan di Lapau di ibu negara pada hari Ahad, 15 Julai yang lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berangkat ke Istiadat tersebut kira-kira jam 10.00 pagi.

Istiadat yang dijalankan dengan penuh adat-istiadat itu telah dimulakan [...] persembahan ucapan yang [...] wakil-wakil persekutuan, w[...] lain-lain.

Ini diikuti dengan titah Ke[...] Mulia Paduka Seri Baginda S[...] tuan Negara Brunei Darus[...] Lapau.

Setelah majlis berehat Istia[...] dengan Istiadat Mengurni[...] Kebesaran dan Pingat-Pinga[...] Bersempena Hari Keputeraa[...] Maha Mulia yang ke-38 tahu[...]



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan lain-lain Kerabat Diraja ketika menyaksikan Peraduan Silat dan Kuntau selepas Majlis Santap di Istana Nurul Iman.





KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Pengiran Hajjah Siti Shalhah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan lain-lain kerabat Diraja juga berangkat ke Istiadat tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama — PSSUB kepada Y.B. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya (atas) dan Y.B. Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Aziz (atas kanan).



YANG Berhormat Menteri-Menteri berserta isteri masing-masing (kanan) dan sebahagian dari pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang turut hadir di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat di Lapau.



# LIS SANTAPAN

sembahan-
cakan dari
kaum dan

Yang Maha
Yang Diper-
Pataratna

ung semula
ng-Bintang
an Negara.
Duli Yang
ia mengur-

niakan Bintang dan Pingat kepada seramai 129 orang.

Istiadat Mengadap itu telah diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz.

Berangkat ke Istiadat tersebut ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain-lain Kerabat Diraja.

Pada sebelah malamnya, satu Majlis Santapan telah diadakan di Istana Nurul Iman. Lebih dari 5,000 orang telah menghadiri majlis tersebut.

Sementara itu, Istiadat Perbarisan Kehormatan bersempena Hari Keputeraan Baginda yang dijadualkan diadakan pada sebelah pagi hari tersebut telah dibatalkan disebabkan cuaca yang tidak mengizinkan.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bersemayam di atas Pataratna Lapau sambil menandah tangan memohon doa yang telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz (kanan).**

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berangkat untuk Istiadat Mengadap Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara bersempena Ulangtahun Puja Usia Baginda Yang Dipertuan yang ke-38 tahun.**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerima sembah ucapan yang tidak dibacakan dari salah seorang wakil persekutuan di negara ini.**









**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah (paling atas); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah (atas) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Y.A.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Norhayati (kanan) ketika berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat.**



ANAK-ANAK yatim berserta penjaga masing-masing menadah tangan memohon doa semoga nasib mereka sentiasa akan mendapat pembelaan daripada masyarakat.



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awg. Haji Hussain berserta kakitangan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan menyanyikan lagu 'Selamat Hari Raya' semasa meraikan anak-anak yatim dari seluruh negara.

# 1,500 ORANG ANAK YATIM DIRAI DALAM SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekalipun gema takbir Hari Raya telah berlalu namun Aidilfitri masih lagi dirayakan di sepanjang bulan Syawal ini. Hari Lebaran adalah hari kemenangan bagi semua umat Islam tidak kira miskin atau kaya, yang cacat, buta, pekak dan fakir. Semuanya berhak merayakan hari yang rahmat itu.

Anak-anak yatim di negara ini sangatlah beruntung jika dibandingkan dengan anak-anak yatim di negeri-negeri lain di rantau ini kerana kebajikan mereka sentiasa dipeduli oleh pihak-pihak yang berkenaan sekalipun kemeriahan itu hanya kerap diadakan di hari-hari kebesaran umat Islam iaitu Aidilfitri.

Kira-kira 1,500 anak-anak yatim di seluruh negara telah diraikan dalam satu majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri yang telah berlangsung di Pusat Belia di sini pada Ahad lepas. Sambutan tersebut dikelolakan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan sebagai projek tahunan jabatan itu.

Selain daripada menikmati juadah, anak-anak yatim juga menerima hadiah-hadiah yang berupa peralatan sekolah dan beg sekolah. Penyampaian hadiah-hadiah Hari Raya telah dilakukan oleh Datin Hjh. Norliah bte Haji Mohd. Yussof, isteri Y.B. Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan dan Datin Hjh. Yukmas bte Mohammad Isteri Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama. Hadiah-hadiah tersebut adalah hasil sumbangan derma dari badan-badan kebajikan, persatuan-persatuan dan orang ramai serta penduduk negara ini kepada Tabung Kebangsaan Anak-anak Yatim.

Majlis dimulakan dengan persembahan nyanyian beramai-ramai 'Selamat Hari Raya' oleh kakitangan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan yang diketuai oleh Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan.

Satu persembahan yang memikat hati para penonton ialah telatah dari 'Kumpulan Apanya Liau' yang tidak asing lagi kepada penduduk-penduduk negara ini mahupun negeri-negeri jiran di mana mereka sering tampil di kaca TV dan pertunjukan pentas. Kumpulan ini diketuai oleh Awg. Rais Banih, beserta Dyg. Rubiah Puteh, Ak. Sulaiman dan Haji Mat Noor.

Persembahan lain termasuklah tarian dan nyanyian dari Bengkel Kanak-Kanak Kuntum Bersemi Radio Televisyen Brunei. Terdahulu sebelum majlis dimulakan petang itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Y.B. Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan dan diikuti dengan bacaan doa selamat.



BEGINILAH Kumpulan Apanya Liau bersama-sama dengan beberapa orang kanak-kanak dengan telatah masing-masing bagi memeriahkan lagi majlis hari itu.



Awang Juen



Awang Idris

# Penolong Penguasa Pos berkursus di Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Penolong Penguasa Pos baru-baru ini telah berlepas ke Bangkok, Thailand untuk mengikuti kursus di Pusat Latihan Pos Asia-Pasifik.

Mereka ialah Awang Juen bin Utar yang akan mengikuti kursus Perkhidmatan Pos Antarabangsa (International Postal Services Course), selama kira-kira 10 minggu dan Awang Idris bin Haji Abdullah yang akan mengikuti kursus Pengurusan Kewangan Pos (Postal Financial Management Course), selama kira-kira lapan minggu.

Kedua-dua kursus ini dibiayai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

## Pegawai DBP ikuti kursus seni kreatif

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka kini berada di Pulau Pinang untuk mengikuti kursus Sijil Seni Kreatif selama setahun di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Mereka ialah Awang Nayan bin Mohamad, Pegawai Penyelidik dan Awang Magun bin Abd. Ghafar, Pengarang. Pemergian mereka adalah atas perbelanjaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

## Taman Bertuturan :

# Menggalakkan minat membaca di kalangan kanak-kanak

SUNGAI BESAR. — Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan, pada hari Ahad lepas telah mengadakan satu lagi majlis Taman Bertuturan Bergerak di Sekolah Melayu Sultan Abdul Mubin di sini.

Majlis yang diadakan bagi kali kelima oleh Perpustakaan Kanak-kanak DBP ini adalah dihasratkan bagi menyemai keinginan membaca dan menyemai asuhan budi pekerti yang baik di kalangan anak-anak melalui cerita-cerita yang mengandungi contoh teladan.

Di samping menyemai dan menggalakkan kanak-kanak meminati buku-buku, kerana buku adalah sumber ilmu pengetahuan taman ini juga dihasratkan bagi mendekatkan anak-anak kepada menggunakan masa lapang mereka untuk perkara-perkara yang berfaedah.

Pemangku Ketua Perpustakaan, Dayang Nellie Haji Sunny ketika berucap selaku wakil Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka berkata bahawa kejayaan dan pertumbuhan masyarakat kita adalah bergantung kepada anak-anak yang masih damit.

Oleh yang demikian, menurutnya, adalah menjadi tanggungjawab bersama bagi mempastikan anak-anak kita memperolehi ilmu pengetahuan dan pengalaman yang seluas-luasnya melalui apa jua cara yang baik agar mereka tidak akan hanya bergantung semata-mata pada sekolah.

"Tabiat membaca yang baik, yang disemai dan diasuh dari awal sudah tentu akan menjamin masa hadapan anak-anak kita dan menjadikan mereka masyarakat yang berguna," tegas Dayang Nellie.

Dalam hal yang demikian, Dewan Bahasa dan Pustaka melalui perkhidmatan perpustakaannya tetap berusaha menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang termampu ke arah menggalakkan minat membaca di kalangan masyarakat, jelasnya lagi.

Selain dari menyediakan buku-buku dan menjalankan aktiviti-aktiviti di perpustakaan di Bandar Seri Begawan, Seria, Kuala Belait, Tutong dan Temburong, Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah menyediakan satu perkhidmatan Perpustakaan Bergerak bagi faedah penduduk di luar bandar.

Semua itu hanya akan dapat berjalan dengan lancar dengan adanya kerjasama guru-guru serta ibu bapa supaya akan sentiasa mengingati betapa mustahaknya kesedaran membaca di kalangan anak-anak dan di kalangan masyarakat terhadap faedah perpustakaan dengan sentiasa mendekatkan mereka kepada buku-buku dan perpustakaan tersebut.

Ketua Kampong Sungai Besar, Awang Chuchu bin Ibrahim juga turut memberikan ucapan ringkas.

Antara aturcara yang diadakan di majlis itu termasuklah kuiz, masa bercerita, nyanyian beramai-ramai, persembahan teater, uji ingatan dan menyaksikan Pameran Buku-Buku di Van Perpustakaan Bergerak. — ZHS.

# RTB Intisari minggu ini

## Radio minggu ini:

# BERHIBUR DAN BERSAHABAT DI RADIO

AWDA ingin mengetahui tentang perkembangan hiburan masa kini? Lazimnya bahan-bahan tersebut boleh didapati melalui majalah-majalah atau akhbar. Tapi satu cara lain dari yang disebutkan tadi ialah dengan hanya memetik punat radio pada setiap hari Ahad jam 2.00 petang, awda akan dapat mengikuti rancangan Serbaneka Hiburan, sebuah lagi rancangan yang bercorak hiburan terbitan Bahagian Melayu Radio.

"Orang ramai meminta lebih banyak hiburan yang lebih baik," demikian menurut Presiden Persatuan Antarabangsa Taman Hiburan dan Tempat Menarik, Encik Charles Mac Donald — (International Amusement Fair Business). Jika hendak diteliti memang ada persamaan di antara taman hiburan dengan radio kerana salah satu fungsi radio itu adalah untuk memberikan hiburan. Kerana itulah khusus untuk pencinta hiburan, radio dari semasa ke semasa berusaha untuk mempertingkatkan mutu persembahannya di bidang apa pun jua termasuk dari segi hiburan.

Berbalik pada rancangan Serbaneka Hiburan tadi, di mana rancangan ini memuatkan beraneka sudut hiburan seperti memperkenalkan album terbaru, menghidangkan lagu-lagu rangkaian lama dan baru, memetik perkembangan dunia hiburan dan bermacam-macam lagi sudut yang lain.

Di antara beraneka sudut yang disediakan sebagai intisari rancangan Serbaneka Hiburan yang paling diminati ialah sudut halaman sahabat radio. Dari halaman inilah wujudnya peluang untuk para pendengar berkenalan antara sesama pendengar yang lain. Mengikuti laporan dari penerbit rancangan ini, surat-surat yang diterima untuk mengisi sudut ini tidaklah terhad penerimaannya dari dalam negeri sahaja, malahan sudut ini mempunyai skop yang luas yang juga meliputi dari negara-negara jiran Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan juga hingga ke Indonesia.

Melalui Radio Minggu Ini, kami menyembahkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas penyertaan pendengar itu, kerana tanpanya, mungkin sukar untuk menghidupkan dan meneruskan rancangan yang memerlukan penyertaan dari pendengar ini.

Untuk kemudahan pendengar yang ingin menyertai halaman sahabat radio, sekali lagi dipinta kerjasama supaya dapat menghantar penyertaan dengan menulis data-data dengan tulisan yang tidak akan menimbulkan sebarang masalah untuk membacanya. Data yang lengkap itu termasuklah nama dan alamat yang betul di samping lain-lain perkara termasuk umur, kegemaran, penyanyi yang diminati dan sebagainya. Akhir kata, berhiburlah dengan rancangan ini di samping meluaskan persahabatan awda.



THE YELLOW ROSE, satu siri baru drama keluarga di Texas, Amerika bermula Selasa depan kira-kira jam 9.15 malam. Di antara pelakon-pelakonnya ialah David Soul (kiri) sebagai Roy Champion dan Edward Albert sebagai Quisto.



DARI Pendengar Untuk Pendengar di keluaran minggu ini akan menampilkan pendengar kita kali ini iaitu Awang Metali Osman di alamat No. 30 Kampong Pekan Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Awang Metali (atas) akan bersama awda semua pada hari Selasa 24 Julai jam 4.00 petang.



PERTANDINGAN Bintang Remaja 1984 Peringkat Akhir telah berlangsung pada 7 Julai yang lalu. Awang Mohd Abu Sufian, peserta dari Daerah Brunei-Muara telah menjadi juara pada tahun ini. Dalam pertandingan tersebut seramai 10 orang peserta telah bertanding.

Pertandingan yang disiarkan secara langsung melalui Radio dan Telivisyen itu telah diserikan dengan beberapa buah lagu dari artis undangan dari Indonesia, Chicha Koeswoyo (gambar atas).

## Sandiwara radio:

# Pilih-Pilih Tebu

SANDIWARA Radio keluaran minggu ini adalah hasil karya Yahya A.T., Pejabat Daerah Temburong, yang bertajuk "PILIH-PILIH TEBU."

Penulis mengutarakan tentang masalah lumrah manusia sejagat masa kini, yang mana orang lebih memandang pada kedudukan daripada keluhuran budi bahasa. Demikianlah yang dialami oleh Usop, watak utama dalam sandiwara ini. Kerana terlalu sukar untuk mendapatkan pekerjaan, akhirnya dengan nasihat dan dorongan dari Nani, Usop bekerja sebagai buruh kasar.

Walaupun dorongan itu datangnya dari Nani sendiri, tapi ternyata hatinya tidak seikhlas seperti yang Usop harap-harapkan. Nani mulai menjauhkan dirinya dari Usop setelah ia bekerja menjadi buruh kasar. Lebih-lebih lagi hubungan mereka memang tidak disukai oleh ibu Nani sendiri.

Dalam diam-diam, Nani sudah membuat hubungan dengan seorang pemuda lain yang dikenalinya sebagai seorang pegawai. Tapi hubungan mereka tidak sampai ke mana, kerana setelah Nani dinodai, pemuda itu pun menghilangkan dirinya.

Dalam keadaan genting begitulah Nani terkenang semula pada Usop yang telah dikecewakannya. Tanpa segan dan silu, Nani menjumpai Usop dengan niat untuk kembali kepadanya.

Bagi Usop pula ia telah bertekad dan memutuskan untuk melamar kerjaya lain. Keputusannya itu sungguh memeranjatkan Nani sekeluarga. Apakah keputusan Usop dengan niat untuk hubungannya dengan Nani? Bersediakah ia menerima Nani semula? Untuk mengetahuinya, ikutilah siarannya yang akan dikeudarakan pada 22 Julai, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dayang Helen Thu.

# Resipi minggu ini: KARIPAP SIPUT

**Bahan-bahan untuk pasterinya :**

4 cawan tepung gandum
2 camca teh baking powder
8 auns margerin pasteri
3 auns mentega
1 butir kuning telur
2 camca teh susu cair
1¼ cawan air sejuk

**Bahan-bahan untuk intinya :**

½ kati daging (dikisar halus)
1 bungkus sayur campur
sedikit lada sulah, garam dan aji-no-moto secukupnya.
¼ cawan minyak makan
4 biji bawang merah (dikisar halus)
3 ulas bawang putih (dikisar halus)

**Cara membuatnya :**

Ayak tepung dan baking powder ke dalam mangkuk, potong margerin pasteri nipis-nipis dan gaul perlahan-lahan dengan tepung hingga menjadi serbuk roti. Campurkan mentega yang telah dilembutkan bersama air ke dalam tepung, gaullah hingga sebati, kemudian canai tebal ¼ inci, tabur tepung ke atasnya, kemudian lipat dua dan canai lagi ¼ inci tebal. Kemudian potong ½ inci lebar dan 12 inci panjang, kemudian lilitkan pasteri ke acuan yang berbentuk tanduk, kemudian sapukan dengan kuning telur yang bercampur susu cair dan bakar hingga masak.

**Cara membuat intinya :**

Panaskan minyak tumis bawang kisar dan bila layu masukkan daging kisar halus. Biarkan hingga dagingnya setengah masak dan barulah masukkan sayur dan gaul rata-rata kemudian masukkan lada sulah garam aji-no-moto, gaul rata dan angkat, masukkan ke dalam karipap siput yang telah dikeluarkan dari acuannya, kemudian gubah dan hidanglah panas-panas.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN HAL EHWAL UGAMA

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal Jemaah, untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU PENGELOLA BAITOL MAL ZAKAT DAN FITRAH
   **Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- b) Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan-kelayakan berikut :
  - i) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
  - ii) Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
  - iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya dengan syarat lulus mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dalam urusan Baitol Mal Zakat dan Fitrah.
- c) Hendaklah tahu menulis dan membaca jawi.
- d) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman dalam urusan Baitol Mal Zakat dan Fitrah bolehlah dipertimbangkan.

2. PEMBANTU PERKEMBANGAN UGAMA
   **Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan

**Kelayakan dan Pengalaman :**
- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- b) Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan-kelayakan berikut :
  - i) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
  - ii) Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan 4 mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
  - iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannnya dengan syarat lulus mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dan kebolehan salah satu bidang-bidang berikut bolehlah juga dipertimbangkan.
- c) Hendaklah tahu menulis dan membaca jawi.
- d) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas, tetapi telah berhhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun dalam perkhidmatan dan mempunyai pengalaman salah satu daripada bidang-bidang yang dinyatakan di ceraian (b), (iii) 1 hingga 5 di atas bolahlah juga dipertimbangkan.

3. TUKANG MASAK
   **Tanggagaji :** F. 3-4 EB.5 — $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
- a) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah VI Melayu atau yang sebanding dengannya serta boleh menulis dan membaca.
- b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai Tukang Masak Sekolah-sekolah, Asrama-asrama, Restoran-restoran, Kantin-kantin yang dikendalikan oleh Kerajaan atau Swasta boleh juga dpertimbangkan.

4. JURUTAYANG/PEMANDU
   **Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- b) Calon-calon hendaklah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
- c) Mempunyai pengalaman dan kebolehan mengenai dengan cara-cara menggunakan Projektor Wayang Gambar, alat-alat pembesar suara dan generator.
- d) Mempunyai Lesen Memandu Kelas III.
- f) Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan yang dinyatakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun serta kebolehan dan pengalaman yang luas dalam ceraian (c) di atas bolehlah juga dipertimbangkan.

**Am :**
Calon yang berjaya hendaklah bersedia berkhidmat di mana-mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

5. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II
   **Tanggagaji :** F. 2-3-4 EB. 5 — $390-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- b) Hendaklah tahu membaca dan menulis.
- c) Mempunyai pengalaman memandu motor sangkut dan mempunyai kebolehan untuk memperbaiki kerosakan kecil serta mempunyai pengalaman dalam penyelenggaraan enjin-enjin motor sangkut.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh tutup :** 30 Julai, 1984.
**Bilangan iklan :** 126/1984. (E/879/71)

## Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGURUS MESS TINGKAT III :
   **Tanggagaji :** D. 2 EB.3 — $515-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalamah :**
- a) Berumur di antara 20 tahun hingga 45 tahun;
- b) Lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengannya.
- c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan dalam kira-kira (Accounting) atau pengalaman dalam urusan-urusan mess;
- d) Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah.

2. TRADESMAN (TUKANG LETRIK) :
   **Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :
Calon calon hendaklah tamat mengikuti kursus juruletrik yang diakui di sesebuah Sekolah Pertukangan. Mempunyai pengalaman menyelenggara dan membaiki alat-alat letrik yang digunakan di rumah dan alat-alat letrik yang lain.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 28 Julai, 1984.
(Bil iklan : 121/1984)
(E/1162/78).

## Telecommunications Department
## Negara Brunei Darussalam
### VEHICLE TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 23rd. July, 1984.

2. Tenders received after the stipulated date and time will be rejected.

3. Tenders are for supply of the following vehicle :—

Motor — Boat — unit 1.

4. Approximate date of delivery must be stated. All price quoted CIF.

5. Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

"TENDER FOR SUPPLY OF VEHICLE (MOTOR — BOAT) TO TELECOMS DEPARTMENT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,"

bearing no indication of the name or the tenderer.

6. Further details may be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $200.00.

7. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Telecommunications Department
## Negara Brunei Darussalam
### Tender Notice
**PROJECT No. P 1041**

1. TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B or C classification.

2. The said tenders are for Excavation and laying of buried cables on the new roadway leading to the New Istana at Jerudong.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon 23rd July 1984. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :

P 1041
INSTALLATION OF BURIED CABLES TO NEW ISTANA — JERUDONG.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $200.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 0900 hours on 21st July 1984 at the Telephone, Exchange — Sengkurong. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## Telecommunications Department
## Negara Brunei Darussalam
### Tender Notice

TENDERS are invited for the SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF A REPEATER NETWORK.

2. Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12 noon on 6th August, 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.

3. Tenders should be submited in a plain sealed envelope marked :—

THE SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF A REPEATER NETWORK FOR TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.

Bearing no indication of the name of the tenderer.

4. Detailed tender documents can be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $1,000.00.

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
## JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK
## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/87/1984

Tajuk : THE SUPPLY AND DELIVERY OF PROGRAMMABLE LOGIC CONTROLLER SWITCHBOARDS.

Tarikh tutup : 6 Ogos, 1984.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

---

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL: PPL/89/1984

Tajuk: PHTOCELL CONTROL UNIT

Tarikh tutup : 13 Ogos, 1984.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

---

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/83/1984

Tajuk : FLOURESCENT TUBES AND BALLASTS

Tarikh tutup : 13 Ogos, 1984.

Cagaran : $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

---

**BIL. PPL/84/1984**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PEJABAT PELAJARAN BAHAGIAN JASMANI (J.K.R. 301) TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 30 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.
Cengkeram : $100.00.

Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "A", "B" & "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL. PPL/85/1984**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BILIK PERSIDANGAN TINGKAT SATU DI JKR LAPANGAN TERBANG LAMA JALAN BERAKAS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 30 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.
Cengkeram : $100.00.

Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "A", "B" & "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL. PPL/86/1984**

Tajuk kerja : PEMASANGAN SEMULA KAWAT ELEKTRIK UNTUK PERUMAHAN KELAS 'G' DI PERKHEMAHAN TEMPAT TAHANAN KAMPONG PASAI SENGKURONG.

Tarikh tutup : 30 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.
Cengkeram : $100.00.
Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL. PPL/88/1984**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BARIK KECEMASAN KERJA-KERJA AIR DI JALAN TASEK LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 30 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.
Cengkeram : $100.00.
Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "A", "B" & "C".
Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

